

## **LATIHAN 1**

***Betulkan kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan di bawah.***

Orang hanya melihat kesenangan yang **dinikmati oleh saya** pada hari ini seperti sesuatu yang mudah. pada hakikatnya, segala kepayahan yang saya lalui itu hanya diketahui oleh Allah SWT yang maha Esa. Tudung **pengeluaran** saya kini boleh didapati di tiga puluh tujuh buah negara seperti Singapura, Indonesia, Australia, Emiriah Arab Bersatu dan negara Eropah. Neelofa berkongsi prinsip hidupnya, iaitu "Teruskan melangkah dan sentiasa melihat kejayaan di hadapan. Jangan **menoleh belakang** dan sentiasa melihat peluang yang luas **terlentang** bagi memajukan diri. Carilah idola atau seseorang yang sangat berjaya sebagai contoh terbaik untuk diri kita. Pada masa yang sama, kita perlu mempunyai **displin** yang tinggi untuk lebih berjaya. Tiada jalan pintas bagi menikmati kejayaan dan seimbangkanlah aktiviti harian kita antara dunia **dan** akhirat."

## **LATIHAN 2**

***Kenal pasti ejaan yang salah dalam ayat di bawah dan betulkannya.***

1. Kakak sering berulang alik ke tempat kerjanya mengikut jalan pintas yang melalui kampung itu.

| Ejaan yang salah | Ejaan yang betul |
|------------------|------------------|
|                  |                  |

2. Mereka sering berbalas emel untuk bertanya tentang pandemik Covid-19.

| Ejaan yang salah | Ejaan yang betul |
|------------------|------------------|
|                  |                  |

3. Persatuan Bola Sepak Selangor akan mengambil juru latih dari England.

| Ejaan yang salah | Ejaan yang betul |
|------------------|------------------|
|                  |                  |

4. Dia terpaksa menonton basikalnya yang pancit pulang ke rumah.

| Ejaan yang salah | Ejaan yang betul |
|------------------|------------------|
|                  |                  |

### **LATIHAN 3**

*Kenal pasti subjek dan predikat bagi ayat di bawah beserta pola ayatnya.*

|     |                                                         |          |           |
|-----|---------------------------------------------------------|----------|-----------|
| Bil | Perkara                                                 |          |           |
| 1   | Bangunan itu Muzium Negara.                             |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |
| 2   | Masakannya sangat enak.                                 |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |
| 3   | Kereta Api Ekspres Senandung Pagi itu dari utara.       |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |
| 4   | Kumar seorang doktor pakar.                             |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |
| 5   | Lukisan pemandangan yang kamu lukis itu sungguh cantik. |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |
| 6   | Adik Siti sedang tidur di dalam bilik.                  |          |           |
|     | Subjek                                                  | Predikat | Pola ayat |
|     |                                                         |          |           |